

Pensyarah UMP terima anugerah Srikandi Matahari

Sinar Harapan (Sentral) 15 Mac 2018 (Khamis) n/18-19

KUANTAN - Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Dr Norrihan Sulan diumumkan sebagai penerima anugerah Srikandi Matahari sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2018, Peringkat UMP.

Beliau yang berusia 55 tahun, dinobatkan sebagai penerima anugerah berdasarkan sumbangan bukan sahaja sebagai pendidik malah khidmat bakti kepada masyarakat.

Norrihan aktif dalam kerja-kerja kebajikan di Pertubuhan Kebajikan Anak yatim dan Miskin Nur Iman, Kampung Kempadang, di sini, bersama suaminya yang juga pemilik rumah kebajikan itu, Badrul Huzaimi Mohd Yusuf.

Menurutnya, usaha melakukan kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan telah dilaksanakan lebih 10 tahun lalu dengan menentang program 'Sebulan Sekampit Beras'.

"Program ini melibatkan ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya yang

tinggal di kawasan berdekatan.

"Setiap bulan saya akan buka peluang kepada dermawan menyumbangkan sama ada wang ringgit atau beras untuk diagihkan kepada golongan kurang bernasib baik ini," katanya.

Dalam pada itu, Norrihan berkata, untuk melaksanakan program kemasyarakatan tersebut, istiqamah adalah perkara utama memandangkan banyak cabaran terpaksa di lalui.

"Kita berhadapan dengan ramai orang yang sangat memerlukan sedangkan kemampuan kita ada adalah terbatas dan terhad.

"Terlalu ramai yang buat permohonan, namun kita akan ziarahi dan lihat tahap kemampuan dimiliki untuk melayakkannya.

"Ini kerana, di kawasan berkenaan terutama di bahagian kampung-kampung kebayakannya hanya buat kerja kampung untuk menyara keluarga," katanya.



Norrihan diumumkan sebagai Ikon Matahari sempena sambutan Hari Wanita Sedunia 2018, Peringkat UMP.